

Membendung ancaman LGBT dalam masyarakat

Amalan seksual songsang tak peka sensitiviti agama, jejas keharmonian

Lesbian, Gay, Biseksual, Transgender dan Transeksual (LGBT) sentiasa mendapat tempat hangat dalam masyarakat Malaysia disebabkan kelantangan pejuang LGBT menuntut hak mereka di dalam masyarakat. Pada masa sama, peruntukan Islam sebagai agama persekutuan yang terkandung di dalam Perlembagaan Persekutuan tidak membenarkan perkara ini berlaku.

Hakikat betapa ancaman LGBT kepada negara, khususnya kepada umat Islam dipandang serius terlihat apabila Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom sewaktu mengumumkan penubuhan Institut Kajian Strategik Islam Malaysia (IKSIM) pada 16 April 2012 menyebut bahawa antara tujuan utama IKSIM adalah untuk menangani ancaman LGBT ini.

Wajib hapus amalan songsang

Begitu juga dengan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang menegaskan pada 6 Mei 2012 bahawa LGBT secara qat'ie dan jelas diharamkan oleh Islam dan tidak memerlukan sebarang fatwa dikeluarkan. Oleh itu, kata Muzakarah, selaras dengan Islam sebagai agama Persekutuan, adalah wajib bagi umat Islam menentang dan menghapuskan amalan seksual songsang yang jelas diharamkan oleh Islam ini.

Sikap kepemimpinan tertinggi negara mengenai LGBT juga sangat jelas apabila Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak ketika berucap pada majlis pelancaran buku *Agenda Islam Dalam Transformasi Negara* pada 25 Jun 2012 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) menegaskan: "Sebarang budaya songsang seperti LGBT serta pemikiran menyeleweng seperti fahaman liberalisme dan pluralisme tidak mendapat tempat di negara ini dan akan ditentang".

Penegasan begini sentiasa dibuat oleh Perdana Menteri, dalam ucapan perasmian Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Kali Ke-57 di Kuantan pada 13 Mei 2014, yang antara lain menyebut: "Sudah tentu, kita sama sekali tidak akan redha dengan sebarang tuntutan agar hak untuk murtad daripada Islam diberikan, atau hak umat Islam untuk melaksanakan ajaran Islam melalui Mahkamah Syariah dinafikan, mahupun sebarang perilaku songsang LGBT diperakui dan dihalalkan".

Terbaharu, Jamil Khir ketika berucap pada Seminar Isu-Isu Seksualiti Peringkat Kebangsaan di Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) pada 20 Mac lalu, menyatakan cara hidup songsang diamalkan kumpulan LGBT dilihat semakin menular kepada generasi muda

dan jika tidak dibendung, ia akan memberi impak negatif kepada institusi keluarga dan masyarakat.

Di dalam konteks inilah maka apabila Jawatankuasa Undang-Undang dan Dasar, Majlis Konsultasi Perpaduan Negara, yang dipengerusikan oleh Naib Presiden Parti Amanah Negara, Datuk Dr Mujahid Yusof Rawa dengan bekas Presiden Majlis Peguam Lim Chee Wee menjadi timbalan pengerusinya, cuba memasukkan peruntukan yang mengiktiraf orientasi dan identiti seks songsang ke dalam Rang Undang-Undang Keharmonian Nasional dan Rekonsiliasi yang dirangka olehnya dahulu, maka usaha ini ditentang oleh masyarakat sehingga menyebabkan ia terkubur.

Berdasarkan kepada semua inilah maka ramai rakyat Malaysia beragama Islam merasakan tidak gembira apabila seorang pejuang LGBT Malaysia bernama Nisha Ayub menjadi antara 14 wanita yang dikurniakan dengan Anugerah Wanita Berani Antarabangsa oleh Setiausaha Negara Amerika Syarikat John Kerry 29 Mac lalu, yang diikuti dengan tindakan Datuk Bandar San Diego di California, Kevin L Faulconer, menobatkan 5 April sebagai Hari Nisha Ayub di San Diego.

Tidak hirau sensitiviti rakyat

Tidak menafikan hak Kerajaan Amerika Syarikat untuk mengiktiraf sesiapa sahaja yang ia mahu, rakyat Malaysia beragama Islam melihat pengiktirafan tingginya kepada pejuang LGBT Malaysia berkenaan sebagai tindakan yang tidak menghiraukan sensitiviti mereka, sekali gus satu bentuk campur tangan tidak langsung ke dalam urusan dalaman Kerajaan Malaysia dengan menggalakkan berlakunya aktiviti yang tidak selari dengan undang-undang negara.

Begitu juga dengan tindakan Kerajaan Kanada memberi taraf pelarian kepada seorang pelajar Malaysia di Universiti Winnipeg bernama Hazim Ismail yang kononnya khuatir nyawanya terancam jika dihantar pulang ke Malaysia ekoran pengakuan terbukanya bahawa dia seorang gay yang menggambarkan seolah-olah Malaysia adalah sebuah negara yang cukup ekstremis sekali.

Pada masa sama, undang-undang sedia ada, sama ada syariah mahupun sivil, perlulah diperkemas lagi bagi menangani ancaman golongan LGBT, kerana kita tidak mahu insiden individu Muslim yang menetap di Malaysia membuat pengakuan terbuka mengenai diri mereka gay. Gejala LGBT ini jika tidak dikawal boleh menjadi lebih marak.



Penulis

ialah Pengurus Besar, Institut Kajian Strategik Islam Malaysia (IKSIM)